

# Dua wanita mengaku tidak bersalah aniaya kanak-kanak lelaki di taska

**KUCHING:** Dua wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen semalam apabila didakwa secara berasingan membabitkan kes penganiayaan seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun di sebuah taska di sini.

Dalam prosiding pertama, seorang daripada tertuduh berusia 25 tahun yang dipercayai bekerja sebagai guru taska, didakwa menganiaya kanak-kanak itu sehingga boleh menyebabkan kecederaan fizikal dengan cara menggoncang badan, menarik rambut serta menampar pipinya.

Sementara prosiding kedua membabitkan seorang wanita berusia 22 tahun yang juga dipercayai guru taska dan terlibat dalam kes sama, didakwa membenarkan kanak-kanak berkenaan dianiaya dalam keadaan boleh menyebabkan kecederaan fizikal.

Dua wanita berkenaan didakwa melakukan kesalahan terbabit sekitar jam 11 pagi pada 9 April 2026 di premis taska di Stampin Baru, di sini.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau pen-



**DIDAKWA:** Kedua-dua tertuduh diiringi anggota polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

jara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sebaik pengakuan tidak bersalah direkodkan, Hakim Noorhisham Mohd Jaafar menetapkan tertuduh berusia 25 tahun itu untuk diberikan ikat jamin RM10,000 tunai dengan dua penjamin tempatan.

Manakala Hakim Iris Awen Jon membenarkan wanita berusia 22 tahun itu untuk dibebaskan dengan ikat jamin RM10,000 (tidak didepositkan) berserta dua penjamin

tempatan.

Kedua-dua hakim turut menetapkan pengurusan kes pada 18 Mei 2026, selain memerintahkan wanita-wanita terbabit untuk melapor diri ke balai polis berdekatan sebulan sekali.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Chuah Kai Sheng dan DPP Marvind Kaliyani, sementara kedua-dua tertuduh masing-masing diwakili peguam Yong Suk Hui serta Sanjan Daik.